



# Malaysia, China, India jadi jentera pembangunan ekonomi

KUALA LUMPUR, Isnin — Negara-negara membangun utama Asia seperti Malaysia, China dan India akan menjadi jentera pertumbuhan seterusnya bagi pembangunan ekonomi dunia, apabila kemelesetan berakhir, kata ketua ekonomi global Principal Global Investors, Dr Robert F. Baur.

Beliau berkata pasaran-pasaran membangun, sebagai satu pertiga daripada ekonomi global, memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan tersebut:

"Ini merupakan sebuah ekonomi global yang serentak dengan bukan hanya pertumbuhan di Malaysia tetapi juga pertumbuhan dua angka di Korea Selatan dan Singapura," katanya pada taklimat media mengenai, "Whatever Happened to the

Apocalypse?", yang dianjurkan oleh CIMB Principal Asset Management, di sini, hari ini.

Beliau berkata perindustrian dan urbanisasi dijangka berterusan dalam pasaran-pasaran membangun dan di masa depan, pembangunan berterusan turut berlaku di kawasan-kawasan bandar di Asia.

Beliau berkata kemelesetan global dijangka berakhir apabila sektor perumahan dan auto di Amerika Syarikat menunjukkan sedikit peningkatan, menambah kepada pertumbuhan ekonomi negara itu.

"Kami berharap kedua-dua sektor akan terus menambah kepada pertumbuhan suku keempat," katanya.

Beliau berkata keadaan pengangguran bertambah baik dan

kadar kehilangan pekerjaan dijangka menyederhana.

Menurutnya, negara-negara seperti Kanada, Jepun, China dan Australia menunjukkan peningkatan dalam sektor pekerjaan.

Apabila ditanya bagaimana Pusingan Doha, apabila dimuktamadkan kelak, akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan Amerika Syarikat, Baur berkata: "Ia sangat membantu. Saya rasa perdagangan bebas secara teorinya meningkatkan produktiviti kerana negara-negara boleh menumpu mengeluarkan yang terbaik dari mereka.

"Saya harap Pusingan Doha akan dipertingkatkan sekali lagi. Beberapa percubaan telah dibuat bagi memastikan ia berjalan lancar," katanya.

Baur berkata meskipun pemu-

lihan ekonomi sedang berlaku, risiko masih lagi ada.

Menurutnya, perniagaan tidak mempunyai insentif untuk berkembang apabila cukai dinaikkan bersama dengan kesan-kesan dasar kerajaan yang tidak disengajakan.

"Bolehkah pemulihan ini berterusan? Ia boleh berterusan kerana perbelanjaan pengguna bertambah baik. Menjelang suku keempat 2010, keyakinan pengguna dijangka kembali semula dan berterusan ke 2011," katanya.

Baur berkata tabungan dan perbelanjaan boleh bergerak seiring bagi mencapai pertumbuhan yang mapan.

— Bernama